

09/01/2003

Gagal selesai isu Cina (HL)

Kadir Dikoh; Wan Esuriyanti Ahmad

KUALA LUMPUR: Kegagalan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menyelesaikan beberapa isu membabitkan MCA dan masyarakat Cina dipercayai antara faktor utama peletakan jawatannya daripada Kabinet.

Bantahan pendidik Cina terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik, isu dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) MCA di Pulau Pinang dan krisis dalaman parti itu yang berlarutan, dikatakan menyebabkan Dr Ling kecewa lalu mengambil keputusan berundur.

Sumber-sumber berkata, perpaduan, sama ada di dalam parti atau sesama komponen Barisan Nasional (BN) adalah faktor penting keutuhan gabungan itu dan sebarang pergeseran boleh melemahkan kedudukannya dalam kerajaan.

Selain itu, soal berkenaan turut disentuh oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN kelmarin apabila Perdana Menteri menyatakan pentingnya parti komponen BN bekerjasama terutama dalam isu tertentu serta mengelak pergaduhan sesama sendiri.

"Selepas menimbulkan soal itu, barulah Dr Mahathir membuat pengumuman dengan berkata `saya mempunyai surat peletakan jawatan Datuk Ling tanpa tarikh (kuat kuasa) yang dihantar Ogos lalu'.

"Ini menyebabkan Dr Ling yang duduk di sebelah kanan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, terdiam. Perdana Menteri kemudian menoleh ke arah Dr Ling sambil meminta maaf kepada Presiden MCA itu kerana membangkit isu surat berkenaan di hadapan pemimpin BN lain," sumber-sumber itu.

Kelmarin, Dr Ling memberitahu pemberita selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN, beliau menyerahkan surat peletakan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan kepada Perdana Menteri 15 Ogos lalu.

Ini kali kedua Presiden MCA itu berbuat demikian dalam tempoh tiga tahun. Kali pertama pada 22 Mei 2000 tetapi beliau menarik semula keputusan itu pada 6 Jun 2000 selepas diminta Perdana Menteri menimbang hasrat berkenaan.

Sementara itu, satu lagi sumber berkata, Perdana Menteri pada mesyuarat kelmarin menyebut mengenai pergeseran antara MCA dan Gerakan terutama berkisar kepada kes dua Adun itu dan berharap semua pihak memelihara perpaduan.

"Apabila Dr Mahathir menyebut mengenai surat peletakan jawatan Ling, pemimpin BN lain hanya diam dan sesetengahnya mungkin sudah menduga kerana Menteri Pengangkutan itu pernah melahirkan hasrat meletak jawatan sebelum ini," katanya.

Sumber lain berkata, dua lagi wakil MCA iaitu Timbalan Presiden, Datuk Seri Lim Ah Lek dan Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh terkejut sebaik mendengar pengumuman Dr Mahathir mengenai surat Ling.

Katanya, tidak diketahui apakah tujuan Perdana Menteri tiba-tiba menyebut mengenai kandungan surat itu.

Sumber Team A dalam MCA mendakwa, pengumuman Dr Mahathir itu adalah mesej secara langsung kepada Ling kerana gagal menangani isu dua Adun Pulau Pinang serta kegagalan menangani masalah dalaman MCA sendiri.

Beliau mendakwa, Perdana Menteri tidak berpuas hati dengan penjelasan Dr Ling mengenai isu dua Adun itu ketika mesyuarat Dewan Tertinggi BN.

"Pendekatan Dr Ling dalam isu penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek sains dan matematik juga mungkin tidak memuaskan hati Perdana Menteri.

"Bayangkan selepas mesyuarat BN tahun lalu, Ling dalam kenyataannya berkata sekolah jenis kebangsaan Cina dikecualikan menggunakan bahasa

Inggeris, sedangkan BN memutuskan ada sedikit pengubahsuaian penggunaan bahasa itu untuk sekolah Cina," katanya.

Di PUTRAJAYA semalam, Dr Mahathir berkata beliau belum membuat keputusan menerima atau menolak kehendak Dr Ling meletak jawatan Kabinet.

Perdana Menteri berkata, beliau sedang memikirkan perkara itu dan membuat pengumuman apabila tiba masanya.

"Saya dah terima surat tu lama... tapi saya belum bersetuju untuk dia letak jawatan," katanya selepas menyaksikan demonstrasi hoverkraf yang direka bentuk pereka tempatan, Amrul Nizar Anuar dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Kelab Tasik Putrajaya.

Mengenai pandangan sesetengah pihak Dr Ling memperlekehkan Kabinet kerana ini kali kedua beliau berbuat demikian (menghantar surat peletakan jawatan), Perdana Menteri berkata:

"Dia dah bagi (surat peletakan jawatan)...cuma saya yang tak bagi dia resign. Ini terpulang kepada saya (untuk menerima atau sebaliknya), jadi bukannya dia pelekehkan Kabinet. Ini soalan nak bagi saya berkelahi dengan orang."